

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

SBW301 – Perancangan dan Pengurusan Projek

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

Kertas peperiksaan ini mempunyai DUA (2) Bahagian. Bahagian A adalah **Soalan Wajib** dan mesti dijawab. Pilih **DUA (2)** soalan untuk dijawab dari Bahagian B. Semua soalan memberi jumlah markah yang sama.

Bahagian A

Soalan wajib.

1. Secara hipotetik, pilih satu projek yang berkemungkinan untuk dilaksanakan dan anda dikehendaki:
 - a. Menerangkan proses dan perkara yang diperlukan untuk merancang dan melaksana projek tersebut. Gunakan lakaran carta yang bersesuaian. (50 Markah)
 - b. Menyediakan Struktur Pembahagian Kerja (*Work Breakdown Structure – WBS*), Jadual Aktiviti Projek (*Project Activities Schedule*) dan Rajah Perangkaian (*Network Diagram*) untuk mengenalpasti Jalan Kritikal mengikut Kaedah Jalan Kritikal/Haluan Genting (*Critical Path Method*). (50 Markah)

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan.

2. Buat nota-nota ringkas bagi yang berikut:
 - a. Perancangan Pembangunan (20 markah)
 - b. Perancangan Projek (20 markah)
 - c. Pengurusan Pembangunan (20 markah)
 - d. Pengurusan Projek (20 markah)
 - e. Perancangan dan Pengurusan Projek Pembangunan (20 markah)
3. Dengan menggunakan contoh-contoh yang bersesuaian, bincangkan penggunaan kaedah-kaedah berikut dalam Perancangan dan Pengurusan Projek.
 - a. Carta Gantt (*Gantt Chart*) (20 markah)
 - b. Teknik Penilaian dan Ulasan Program (*PERT – Program Evaluation and Review Technique*) (40 markah)
 - c. Kaedah Jalan/Haluan Kritikal (*CPM – Critical Path Method*) (40 markah)

4. Bincangkan DUA (2) daripada yang berikut.

- a. Unsur-unsur Pengurusan Projek
- b. Langkah-langkah Mengurus Projek
- c. Sistem Pengurusan Projek
- d. Lima (5) Fasa Pengurusan Projek

(100 markah)

5. Huraikan yang berikut:

- a. Langkah dan panduan asas membuat belanjawan (bajet) projek.
- b. Kaedah kepimpinan yang boleh menjayakan projek.

(50 markah)

(50 Markah)